

# UMSKAL tekankan amalan kitar semula

**N**AIB Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah menyarankan agar kakitangan dan pelajar menerapkan amalan kitar semula ketika berada di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, warga universiti juga perlu bijak mengurangkan penggunaan tin, kertas, plastik dan polistren bagi menjaga alam sekitar.

Beliau mahu amalan itu dilaksanakan ketika pelajar dan kakitangan berada di universiti sebelum



HARUN (tiga dari kiri) melancarkan Kempen Pemuliharaan Alam Sekitar UMSKAL bersama Dr Shahril (dari kiri) Ismail, Sharif dan Rukiah.

mengamalkannya di luar pejabat seperti di rumah

dan kawasan tumpuan awam.

"Warga universiti mesti menunjukkan sikap yang baik terhadap amalan menjaga alam sekitar agar iaanya diteladani orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan program Eco-Campus UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), baru-baru ini.

Pada majlis itu, Harun melancarkan kempen berbasikal dalam kampus, menanam pokok buah-buahan dan pelancaran bas Eco-Campus UMSKAL.

Beliau turut menaiki bas eco-campus bersama pegawai kanan UMS melawat kediaman kakitangan, kolej kediaman pelajar, masjid dan dewan kuliah pusat yang sedang


dalam pembinaan.

Harun juga merasmikan klinik warga yang terletak berhampiran kolej kediaman pelajar untuk memudahkan pelajar lelaki dan perempuan mendapatkan rawatan awal.

Beliau diberi taklimat ringkas oleh Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Zaini Husin.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Sharif Abdul Kadir Omang, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Shahril Yussof dan Pustakawan, Dg Rukiah Amit.


Hadir sama Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Timbalan Pengarah UMSKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Syed Nasirin, Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri



HARUN menyiram pokok mangga selepas melancarkan Eco-Campus UMSKAL.



ZAINI (dua dari kiri) menerima cenderamata daripada Harun selepas merasmikan Klinik Warga UMSKAL.



HARUN (tujuh dari kanan) bersama pegawai kanan UMS berdiri di hadapan bas Eco-Campus UMSKAL.



KETUA Bahagian Pembangunan, Md Azrie Tanjong (kiri) menerima basikal daripada Harun sempena program Eco-Campus 2013.

Mohamad Tuah.

Turut diadakan majlis penyampaian buah kurma dan duit raya kepada orang kurang upaya (OKU) serta penyampaian sumbangan kepada kakitangan.

Harun kemudiannya berbuka puasa bersama pegawai kanan UMS dan kakitangan UMSKAL di ruang legar Bangunan Menara UMSKAL dan menunaikan solat Maghrib

di Dewan Theatrette.

Sementara itu, Ismail mengucapkan terima kasih atas kesudian Datuk Dr Mohd Harun dan pegawai kanan UMS menjayakan program Eco-Campus UMSKAL 2013.

Beliau berharap kakitangan dan pelajar UMSKAL akan mengamalkan aktiviti eco-campus termasuk memulihara alam sekitar.